

PENGETAHUAN DAN PENGALAMAN BERKAITAN PENGGUNAAN KREDIT DI KALANGAN PEGAWAI MUDA SEKTOR AWAM

MOHAMAD FAZLI SABRI, AHMAD HARIZA HASHIM
& MOHD AMIM OTHMAN

ABSTRAK

Kredit merupakan hutang, pinjaman atau bayaran yang dibuat oleh seseorang pengguna untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan dengan syarat akan membayar balik pada tempoh matang. Satu kajian telah dilakukan untuk mengukur tahap pengetahuan dan pengalaman pegawai muda sektor awam berkaitan dengan penggunaan kredit. Sampel kajian terdiri daripada pegawai kerajaan yang baru bekerja bagi tempoh tidak melebihi lima tahun dan bekerja di agensi kerajaan di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur. Sebanyak 202 soal selidik telah diterima dan boleh diguna pakai bagi tujuan analisis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai pengetahuan yang baik mengenai aspek kredit namun masih terdapat sebilangan responden tidak mengetahui peraturan menggunakan kredit dan apakah implikasi muflis ke atas individu. Walaupun responden kajian mempunyai pengetahuan yang baik tetapi ia tidak selari daripada segi amalan atau tingkah laku penggunaan mereka. Majoriti responden kajian pernah berhadapan atau mengalami salah satu daripada situasi kewangan misalnya mempunyai bayaran tertunggak, menerima panggilan dari pemberi pinjaman kerana kelewatan pembayaran dan lewat membuat bayaran pinjaman atau hutang. Ini menggambarkan bahawa responden kajian terdedah kepada menghadapi masalah kewangan. Program pendidikan kewangan di tempat kerja contohnya dapat meningkatkan lagi kesedaran dan amalan penggunaan kredit yang berhemah di kalangan pegawai muda.

Kata Kunci: Kredit, Muflis, Kredit Pengguna, Pegawai Muda, Sektor Awam

ABSTRACT

Credit is a debt, loan or payment made by consumers to receive goods and services with the promise to make repayment for a specific period. A survey has been conducted to measure young government executives' knowledge and experience in managing consumer credit. Sample of study consists of young executives who have been service in government sector for less than five years and their agency located in Wilayah Persekutuan Putrajaya and Kuala Lumpur. About 202 set of questionnaires have been received and usable for data analysis. The results of the study revealed that majority of respondents had adequate knowledge in

consumer credit; however, some of the respondents had a lack of knowledge and understanding about other credit aspects such as credit rules and the implication of being declared bankruptcy. Even most of the respondents had good credit knowledge, but this is not consistent when it comes to their practices or consumption behaviors. Most of the respondents had at least one of the financial experiences (situation), for example, default payment; receive call from money lender due to the late payment; and late payment for their loan or debt. This represent that the respondents of this study tend to experiencing financial problems. Financial education at workplace for example could enhance young executive awareness and educate them to become credit wise.

Keywords: *Credit, Bankruptcy, Consumer Credit, Young Executive, Government Sector*

PENGENALAN

Konsep "beli sekarang dan bayar kemudian", merupakan kemudahan kewangan kepada pengguna bagi mendapatkan barangan dan perkhidmatan. Di sebalik kelebihan penggunaan kredit seperti dapat meningkatkan taraf hidup pengguna, ia juga menggalakkan pengguna untuk berhutang. Malah pengguna cenderung berbelanja secara berlebihan dan menyebabkan mereka tidak mampu untuk membayar balik (Collins & Mammen, 2002). Biasanya barangan yang dibeli secara kredit lebih mahal kerana ia dikenakan caj faedah. Pengguna yang kurang berpengetahuan dan disiplin dalam menguruskan kredit lebih terdedah untuk berhadapan dengan masalah kewangan. Terdapat pelbagai jenis kredit yang ditawarkan di pasaran seperti sewa beli, pinjaman bank biasa, pinjaman peribadi, kad kredit, pinjaman perumahan dan kenderaan (Millar & Moran, 1999).

Perkhidmatan kredit sering menjadi pilihan pengguna atau pembeli masa kini disebabkan oleh kelebihan yang dimiliki antaranya ia memberikan keselesaan (pengguna atau pembeli mempunyai rekod pembelian), sesuai digunakan untuk kecemasan (perbelanjaan tidak dijangka) dan biasanya digunakan bagi tujuan pembelian besar (contohnya perabot, kereta dan rumah). Selain daripada itu perkhidmatan ini juga merupakan satu jalan mudah bagi mereka yang ingin memenuhi keperluan dan kehendak mereka dengan cepat. Peningkatan kos sara hidup, taraf pendidikan dan tahap hidup masyarakat telah menyebabkan permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan telah mengalami peningkatan (Kapoor, Dlabay, & Hughes, 2004). Kredit bukan sahaja dapat memudahkan seseorang itu untuk berbelanja malah akan menyebabkan seseorang berbelanja melebihi kemampuan iaitu boros dan suka berbelanja dengan sewenang-wenangnya (Brobeck & Carolyn, 2002).

Sejumlah 16,251 individu di Malaysia telah diisytiharkan muflis pada tahun 2004, satu peningkatan besar sebanyak 100% dan 760% berbanding angka masing-masing pada tahun 1995 dan 1998 (Bank Negara Malaysia, 2004). Penyebab utama kepada kemuflian tersebut adalah dari pinjaman kereta (23% dari keseluruhan), penjamin pinjaman pendidikan (16%), pinjaman bank (15%) dan tunggakan kad kredit (11%). Analisis terperinci mendapati trend muflis di kalangan mereka yang lebih muda dengan golongan dalam kumpulan umur 31-40 tahun dan 41-50 tahun masing-masing menyumbang 285 dan 365 dari kes keseluruhan.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (2010) jumlah keseluruhan kes kebangkrapan yang didaftarkan setakat 31 Mei 2010 adalah sebanyak 217,577. Manakala data terkini daripada Bank Negara Malaysia melaporkan bahawa dalam tahun 2010, sejumlah 294.9 juta urus niaga dilakukan menggunakan kad kredit dan jumlah belian yang dicatatkan adalah sebanyak RM 68,739.1 juta adalah daripada pemegang kad tempatan. Dalam tempoh yang sama terdapat 7.5 juta kad kredit dalam edaran dan jumlah baki tertunggak dari pemegang kad adalah sebanyak RM28,174.5 juta. Sejumlah 9,718 individu telah diisytiharkan muflis pada tahun 2000 berbanding data terkini yang menunjukkan peningkatan dua kali ganda iaitu 18,119 individu. Kajian Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC) mendapati sebanyak 41 pekerja muda diisytiharkan muflis setiap hari dengan 60 peratus daripada kalangan golongan yang sama berhadapan dengan masalah hutang yang serius. Hampir 50 peratus individu yang mendapatkan khidmat nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) adalah berumur di bawah 40 tahun (Harian Malaysia, 2011).

Kelonggaran dan galakan yang diberikan oleh pihak kerajaan serta institusi perbankan telah membolehkan semakin ramai rakyat negara ini mampu memiliki kad kredit dan kemudahan kredit yang lain. Peraturan yang dikuatkuasakan pada 28 Julai 1999 membenarkan seseorang yang berpendapatan RM1,500 layak memiliki kad kredit. Peraturan yang diperkenalkan itu telah menyebabkan pengeluaran kad kredit meningkat secara mendadak. Sehingga suku tahun pertama tahun 2000, jumlah pemilikan kad kredit di Malaysia telah meningkat 500% berbanding tahun 1998. Menyedari akan hakikat itu, mulai tahun 2011 Bank Negara telah menggariskan beberapa peraturan baru berkaitan dengan pemilikan kad kredit antaranya kadar kelayakan gaji minimum bagi setiap permohonan baru kad kredit dinaikkan daripada RM1,500 kepada RM2,000 sebulan. Pada masa yang sama, mereka yang mempunyai gaji RM3,000 sebulan atau RM36,000 setahun hanya dibenarkan memiliki kad kredit daripada dua buah bank sahaja. Sekiranya seseorang itu mempunyai kad kredit daripada banyak bank, individu itu perlu memilih dua bank sahaja dan membatalkan kad kredit yang lain menjelang akhir tahun ini.

Peningkatan kos sara hidup, kehendak yang tidak terbatas serta sumber pendapatan yang terhad menyebabkan ada di kalangan individu atau pengguna memilih kredit sebagai alternatif untuk mendapatkan pelbagai barangan dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan dan kehendak mereka. Selain itu, kurangnya pengetahuan dan tidak mengetahui cara untuk menguruskan kredit boleh membawa kepada penggunaan kredit yang tidak terancang. Contohnya, pengetahuan yang kurang berkaitan dengan caj kewangan kredit boleh membawa kepada amalan pembayaran bil yang minima atau tidak menjelaskan bayaran tepat pada masanya. Implikasi dari itu adalah kos penggunaannya yang semakin meningkat setiap bulan walaupun dengan penggunaan yang sedikit. Selain itu ia telah mewujudkan satu bentuk budaya hidup yang kurang sihat di kalangan pekerja iaitu tabiat suka berhutang. Pelbagai masalah lain akan timbul kesan daripada tabiat suka berhutang seperti membawa kepada keruntuhan institusi keluarga, perceraian, penderaan, tekanan perasaan dan mental, masalah kesihatan dan penurunan prestasi di tempat kerja.

Peningkatan penggunaan kredit sejak kebelakangan ini terutama di kalangan pegawai muda menunjukkan bahawa mereka merupakan golongan yang terdedah kepada fenomena kemuffisan yang melanda negara. Sehubungan itu, kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji pengetahuan dan pengalaman pegawai muda sektor awam berkaitan kredit. Diharapkan dapatan kajian ini dapat membantu pihak yang terlibat untuk merangka program atau polisi yang dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengguna terutamanya dalam soal pengurusan kredit atau hutang.

KAJIAN LITERATUR

Terdapat pelbagai jenis kredit yang ditawarkan di pasaran seperti sewa beli, pinjaman bank biasa, pinjaman peribadi, kad kredit, pinjaman pendidikan, perumahan dan kenderaan (Millar & Moran, 1999). Ini merujuk kepada kredit berbentuk formal (Garman & Forgue, 2000). Manakala pembelian secara hutang dan membayarnya secara ansuran untuk barangan runcit dari kedai pula merujuk kepada kredit berbentuk tidak formal. Sebelum pinjaman diberikan kepada pelanggan, pengukuran dari segi latar belakang peminjam, kedudukan kewangan, kebolehan membayar, sumber pendapatan, jumlah tanggungan dan lain-lain kriteria peminjam akan diambil kira. Ini penting bagi memastikan pengguna mampu membuat pembayaran balik tanpa sebarang masalah. Kajian Wesberg, Hira dan Fanslow (1992) ke atas isi rumah di Amerika Syarikat mendapati isi rumah yang mempunyai pendapatan yang tinggi mempunyai jumlah hutang yang tinggi. Mohamed dan Deanna (1997) menyatakan bahawa tahap pendidikan, status perkahwinan, jantina, bangsa, sumber ekonomi, status kesihatan, sikap dan nilai adalah faktor yang mempengaruhi penggunaan kredit.

Kajian yang telah dijalankan oleh Mustazar, Azmafazilah dan Fathin (2004) mendapati sikap individu yang tidak membuat belanjawan dan tidak mengurus kewangan dengan baik akan menyebabkan mereka menghadapi masalah kewangan. Ini mendorong mereka mendapatkan sumber kewangan yang mudah walaupun mempunyai kadar bayaran tetap tinggi. Misalnya kemudahan kad kredit telah menyebabkan individu tidak membuat perancangan semasa berbelanja kerana had maksimum penggunaan yang tinggi berbanding jumlah pendapatan bersih bulanan yang diterima. Bayaran bil yang minima pada setiap bulan menyebabkan bebanan faedah yang tinggi terpaksa ditanggung oleh individu untuk jangka masa yang panjang. Kajian perancangan dan amalan penggunaan kad kredit bagi pengguna di Malaysia oleh Husniyah, Mohamad Fazli, dan Ahmad Hariza (2005) merumuskan bahawa kebanyakan pengguna mempunyai tahap pengetahuan yang baik namun tidak dari segi amalan (29.4% buat bayaran minimum dan 51.5% buat bayaran lebih daripada minimum). Melalui kajian yang dilakukan, Brobeck dan Carolyn (2002) merumuskan bahawa kredit bukan sahaja dapat memudahkan seseorang itu untuk berbelanja malahan akan menyebabkan seseorang berbelanja melebihi kemampuan iaitu boros dan suka berbelanja dengan sewenang-wenangnya.

Seterusnya kajian berkaitan dengan tingkah laku penggunaan kredit sewa beli di Malaysia mendapati secara umumnya pengguna mempunyai tahap pengetahuan yang baik tentang konsep sewa beli dan mereka terdiri daripada pekerja di sektor swasta, berumur antara 26 hingga 35 tahun dan telah berkahwin. Manakala pengguna yang bekerja di sektor swasta, berumur melebihi 46 tahun, lelaki dan bukan lepasan universiti didapati lebih kerap terlibat dengan pembelian secara sewa beli (Mohamad Fazli, Husniyah, & Syuhaily, 2009). Husniyah, Afida, Bukryman, dan Elistina (2010) menerusi kajian mereka mengenai literasi pengguna dalam pinjaman perumahan di kalangan pekerja sektor awam menunjukan majoriti responden mempunyai tahap pengetahuan yang baik (75.5%) dan mereka adalah pekerja lelaki yang berkahwin, eksekutif dan memperoleh pendapatan bulanan melebihi RM2,500. Seterusnya kajian di kalangan keluarga dwi kerjaya di sektor awam mendapati secara umumnya tahap pengetahuan kewangan responden adalah sederhana (68.4%) dan mereka kurang berpengetahuan mengenai kad kredit dan pengurusan risiko (Zaimah, Jariah, Sharifah, & Mumtazah, 2009).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan di kalangan pegawai muda gred 41-48 dan bekerja dalam tempoh lima tahun di agensi-agens kerajaan di sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Penyelidik telah memohon kebenaran dan mendapatkan kerjasama Bahagian Sumber Manusia dari setiap agensi yang telah dikenal pasti

untuk menjalankan kajian. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini merupakan satu set soal selidik yang dibentuk sendiri dan diubahsuai berdasarkan kajian lepas. Borang soal selidik ini mengandungi lapang bahagian iaitu maklumat demografi, pemilikan harta, status pinjaman, tahap pengetahuan, pengalaman, amalan, kesejahteraan kewangan dan keperluan sokongan. Sebanyak 30 set soal selidik telah dihantar kepada setiap agensi dan jumlah keseluruhan edaran adalah sebanyak 520. Walau bagaimana pun, hanya 202 borang sahaja telah diterima dan boleh diguna pakai bagi tujuan analisis. Bagi tujuan kertas kerja ini perbincangan meliputi dua bahagian utama iaitu pengetahuan dan pengalaman berkenaan penggunaan kredit. Terdapat 15 soalan telah dibentuk untuk mengukur pengetahuan responden berkaitan kredit dengan pilihan jawapan “1=Betul” dan “0=Salah”. Manakala terdapat 10 soalan dengan pilihan jawapan “1=Ya” dan “0=Tidak” digunakan untuk mengkaji pengalaman responden dalam aspek penggunaan kredit. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan perisian SPSS. Perbincangan hasil kajian adalah secara deskriptif (min, mod dan peratusan) dan dapatan kajian dibentangkan dalam bentuk jadual.

Profil Responden Kajian

Lebih daripada satu perdua responden kajian terdiri daripada responden lelaki (56.4%). Majoriti responden terdiri dari etnik Melayu (83.7%), diikuti dengan etnik Cina (6.4%), etnik India (3.5%) dan selebihnya terdiri dari Bumiputera Sabah dan Sarawak (6.4%). Julat umur di kalangan responden adalah di antara 23 hingga 41 tahun dengan purata umur 28 tahun. Peratusan tertinggi responden berada dalam kategori umur 26 hingga 35 tahun (73.3%). Daripada segi tahap pendidikan, majoriti responden mempunyai kelulusan di peringkat ijazah sarjana muda (93%) dan terdapat seramai 7% responden mempunyai kelulusan di peringkat sarjana. Daripada segi gred jawatan, majoriti responden berada pada gred 41 (87.1%), diikuti gred 44 (9.9%), dan gred 48 (3.0%). Majoriti responden mempunyai tempoh perkhidmatan kurang daripada tiga tahun (85.7%). Seramai 56.4% responden sudah berkahwin dan kebanyakannya mempunyai seorang anak. Purata saiz isi rumah yang dicatatkan ialah 3.7 orang (Jadual 1).

Jadual 1: Latar Belakang Responden

Angkubah	Bilangan (n=202)	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	114	56.4
Perempuan	88	43.6

Etnik		
Melayu	169	83.7
Cina	13	6.4
India	7	3.5
Bumiputera	13	6.4
Umur		
<25 tahun	43	21.3
26-35 tahun	148	73.3
36 ke atas	11	5.5
Tahap Pendidikan		
Ijazah Sarjana Muda	188	93.1
Ijazah Sarjana	14	6.9
Status Perkahwinan		
Bujang	88	43.6
Berkahwin	114	56.4

Pengetahuan Berkaitan Kredit

Jadual 2 menunjukkan taburan pengetahuan responden mengenai kredit. Lebih daripada dua pertiga responden (64.1%) mengetahui bahawa pembelian menggunakan kemudahan kredit pada hakikatnya akan mengurangkan kuasa beli mereka pada masa hadapan. Ini menggambarkan bahawa majoriti responden mengetahui dan memahami kaitan antara konsep kredit dengan kuasa beli pengguna. Sekiranya seseorang membeli barang atau perkhidmatan secara kredit atau hutang sebenarnya mereka telah menggunakan pendapatan mereka pada masa hadapan. Ini menyebabkan kuasa beli mereka berkurangan kerana pendapatan yang sepatutnya boleh dibelanjakan terpaksa digunakan untuk melunaskan hutang. Majoriti responden (94.9%) didapati mengetahui bahawa mereka akan dikenakan caj tambahan sekiranya membuat pengeluaran tunai menggunakan kad kredit. Ini adalah caj yang dikenakan bagi setiap kali pendahuluan wang tunai diperoleh. Caj yang dikenakan adalah sekitar 3% hingga 5% daripada jumlah pendahuluan wang tunai yang diambil dan merupakan tambahan kepada caj kewangan yang dikenakan ke atas jumlah pendahuluan yang diberikan kepada pengguna.

Majoriti responden (93.4%) juga didapati mengetahui akan kepentingan menyediakan bayaran pendahuluan (deposit) yang tinggi bagi mengurangkan kos sesebuah pinjaman. Terdapat sebilangan responden (11.6%) tidak mengetahui akan fungsi Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) yang mengumpul maklumat mengenai individu yang mengambil pinjaman daripada institusi kewangan dan membekalkan semula maklumat tersebut kepada institusi kewangan.

Sebilangan besar responden (43.9%) juga tidak mengetahui bahawa mereka tidak disarankan untuk berbelanja lebih daripada 20 peratus pendapatan bersih mereka untuk bayaran ansuran atau kredit. Menurut pakar kewangan seseorang akan lebih terdedah untuk berhadapan dengan masalah kewangan sekiranya lebih daripada 20 peratus pendapatan mereka digunakan untuk bayaran ansuran atau kredit.

Majoriti responden (91.4%) sedia maklum bahawa sebagai penjamin kepada sesebuah pinjaman mereka juga boleh diisytiharkan muflis. Kajian turut mendapati lebih daripada satu pertiga responden (37.4%) tidak mengetahui bahawa individu yang telah diisytiharkan muflis tidak dibenarkan membuat pinjaman melebihi satu ribu ringgit. Terdapat 23.7 peratus responden tidak mengetahui akan fungsi dan peranan yang dimainkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). AKPK ialah sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia pada bulan April 2006 untuk membantu individu menguasai situasi kewangan mereka dan mencapai ketenangan minda hasil daripada penggunaan kredit secara bijak. AKPK menawarkan kepada individu perkhidmatan berikut secara percuma: (1) pendidikan kewangan tentang tanggungjawab penggunaan wang dan kemahiran pengurusan kredit, (2) kaunseling dan nasihat berkenaan pengurusan kewangan, dan (3) program pengurusan kredit untuk membantu pengguna menguasai semula kewangan mereka (www.akpk.org.my).

Majoriti responden (94.4%) mengetahui bahawa pemilik kad kredit tidak boleh berbelanja melebihi had. Ini adalah kerana setiap kad kredit yang dibekalkan oleh syarikat pengeluar mempunyai had limitasi tertentu yang biasanya berdasarkan pendapatan bulanan yang diterima oleh pemilik. Garis panduan baru yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia mensyaratkan had maksimum yang diberikan kepada pemegang kad tidak boleh melebihi dua kali ganda pendapatan bulanan mereka. Terdapat sebilangan responden (16.2%) tidak mengetahui bahawa pemohon kad kredit perlu mempunyai had pendapatan minimum tahunan sekitar RM18,000. Terkini, BNM telah menetapkan syarat untuk mendapatkan kad kredit baharu seseorang perlu mempunyai pendapatan minimum tahunan sekitar RM24,000. Lebih daripada satu pertiga responden (34.8%) juga didapati tidak mengetahui bahawa seseorang boleh diisytiharkan muflis jika mereka gagal untuk membayar hutang berjumlah RM30,000. Majoriti responden (75.8%) juga didapati tidak mengetahui mengenai peranan dan fungsi Credit Tip Off Services (CTOS). CTOS merupakan sebuah organisasi (syarikat) yang mendapat dan mengumpul maklumat jika terdapat bankrupsi dan saman yang dikenakan terhadap individu atau syarikat dan maklumat tersebut akan didaftarkan ke dalam pangkalan data elektronik mereka (www.ctos.com.my).

Tahap pengetahuan mengenai kredit diukur berdasarkan kepada jawapan betul yang dapat dijawab oleh responden. Satu markah diberikan bagi setiap jawapan yang betul dan skor komposit dikira berdasarkan 15 soalan yang diajukan. Tahap pengetahuan mengenai kredit dibahagikan kepada tiga kategori iaitu rendah (skor kurang daripada 5), sederhana (skor 6 hingga 10) dan tinggi (skor lebih daripada 11). Secara keseluruhannya, kebanyakan responden (73.2%) kajian ini mempunyai tahap pengetahuan yang baik berkaitan dengan kredit. Hanya tiga peratus responden sahaja yang mempunyai tahap pengetahuan yang rendah (Jadual 3).

Jadual 2: Pengetahuan Responden Berkaitan Kredit (n=202)

Penyataan	Betul n (%)	Salah n (%)
1. Membeli secara kredit akan mengurangkan kuasa beli pada masa hadapan. (Betul)	127 (64.1)	71 (35.9)
2. Tiada caj (yuran) dikenakan bagi pengeluaran tunai melalui kad kredit. (Salah)	10 (5.1)	188 (94.9)
3. Kadar faedah (interest) mempengaruhi nilai baki hutang masa hadapan. (Betul)	188 (94.9)	10 (5.1)
4. Bayaran pendahuluan (deposit) yang tinggi akan mengurangkan lagi kos sesebuah pinjaman. (Betul)	185 (93.4)	13 (6.6)
5. Sistem informasi rujukan kredit (CCRIS) merupakan biro kredit yang mengumpul, proses, menyimpan dan mewujudkan informasi kredit. (Betul)	175 (88.4)	23 (11.6)
6. Seseorang boleh berbelanja melebihi 20% pendapatan bersihnya untuk ansuran kredit. (Salah)	87 (43.9)	111 (56.1)
7. Seorang penjamin bagi sesebuah pinjaman turut boleh diisytiharkan muflis. (Betul)	181 (91.4)	17 (8.6)
8. Pembelian secara tunai lebih berkos rendah berbanding secara kredit. (Betul)	182 (91.9)	16 (8.1)
9. Semakin panjang tempoh bayaran balik pinjaman semakin rendah kos keseluruhan pinjaman tersebut. (Salah)	17 (8.6)	181 (91.4)
10. Individu yang telah diisytiharkan muflis tidak dibenarkan memohon pinjaman melebihi RM 1,000. (Betul)	124 (62.6)	74 (37.4)
11. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menawarkan perkhidmatan pinjaman kewangan. (Salah)	47 (23.7)	151 (76.3)

12. Pemilik kad kredit boleh berbelanja tanpa had. (Salah)	11 (5.6)	187 (94.4)
13. Pemohon kad kredit perlu mempunyai sekurang-kurangnya RM 18, 000 pendapatan setahun. (Betul)	166 (83.8)	32 (16.2)
14. Seseorang boleh diisytiharkan muflis jika gagal membayar hutang sejumlah RM30,000. (Betul)	129 (65.2)	69 (34.8)
15. CTOS (Credit Tip Off Services) ialah satu senarai hitam yang menghalang peminjam mendapat pinjaman. (Salah)	150 (75.8)	48 (24.2)

Jadual 3: Tahap Pengetahuan Responden Berkaitan Kredit (n=202)

Kelas Skor	Tahap Pengetahuan	Peratus (%)
≤ 5	Rendah	3.0
6-10	Sederhana	23.7
≥ 11	Tinggi	73.2

Pengalaman Berkaitan Penggunaan Kredit

Responden ditanya mengenai pengalaman atau situasi yang pernah mereka hadapi dalam penggunaan kredit. Menurut pakar kewangan, sekiranya responden pernah menghadapi salah satu daripada pengalaman atau situasi yang dinyatakan di bawah (rujuk Jadual 4), mereka cenderung untuk berhadapan dengan masalah kewangan. Kajian mendapati terdapat lebih daripada satu pertiga responden (38.3%) menyatakan mereka mempunyai bayaran pinjaman yang belum dijelaskan (tertunggak). Terdapat juga sebilangan kecil responden (6.5%) pernah membuat pajakan atau gadaian ke atas barang atau aset yang dimiliki untuk mendapatkan wang.

Sebanyak 21.1 peratus responden pernah menerima panggilan daripada pemberi pinjaman kerana lewat membuat pembayaran ke atas pinjaman yang dilakukan. Terdapat juga di kalangan responden (14.1%) yang menggunakan kemudahan kad kredit untuk mendapatkan kemudahan wang tunai. Sebilangan besar responden (47.2%) juga menyatakan mereka pernah terlewat membuat bayaran ansuran atau pinjaman. Kajian juga mendapati terdapat 40.4 peratus responden pernah membuat pinjaman daripada rakan, ahli keluarga, saudara mara dan juga majikan untuk membayar kembali pinjaman atau hutang yang dilakukan. Sebilangan kecil responden (1.5%) juga didapati pernah membuat pinjaman daripada pemberi pinjaman wang tidak berlesen seperti “Ah Long”. Hanya dua peratus responden menyatakan mereka pernah ada pengalaman di mana barangan atau kenderaan

disita kerana tidak mampu untuk membayar hutang. Hampir satu perdua responden (48.7%) didapati pernah berbelanja lebih daripada 20 peratus pendapatan bersih mereka untuk bayaran ansuran kredit.

Tahap pengalaman berkaitan penggunaan kredit diukur berdasarkan skor yang diperoleh sekiranya responden menyatakan mereka pernah menghadapi situasi atau pengalaman yang dinyatakan dalam Jadual 4. Satu markah diberikan sekiranya responden pernah menghadapi situasi atau pengalaman yang dinyatakan. Tahap pengalaman dibahagikan kepada tiga iaitu kurang bermasalah (kurang daripada 3 situasi/pengalaman), bermasalah (4-6 situasi/pengalaman) dan sangat bermasalah (lebih daripada 7 situasi/pengalaman). Secara keseluruhannya, responden kajian pernah berhadapan dengan situasi atau pengalaman kewangan yang dinyatakan. Didapati responden kajian ini juga cenderung atau sedang berhadapan dengan masalah kewangan terutama berkaitan dengan pengurusan kredit atau hutang (Jadual 5).

Jadual 4: Pengalaman Responden Berkaitan Penggunaan Kredit (n=202)

Pengalaman	Ya n (%)	Tidak n (%)
1. Mempunyai bayaran pinjaman tertunggak	75 (38.3)	121 (61.7)
2. Pajak/ gadai untuk mendapatkan wang	13 (6.5)	186 (93.5)
3. Menerima panggilan dari pemberi pinjaman kerana kelewatan pembayaran	42 (21.1)	156 (78.9)
4. Menggunakan kemudahan pengeluaran tunai melalui kad kredit	28 (14.1)	171 (85.9)
5. Lewat membayar ansuran kredit/pinjaman	97 (47.2)	102 (52.8)
6. Meminjam wang dari keluarga, teman, saudara-mara, atau majikan untuk membayar pinjaman atau hutang	80 (40.4)	118 (59.6)
7. Menggunakan kemudahan kredit untuk keperluan harian	86 (43.2)	113 (56.8)
8. Meminjam wang dari "Ahlong"	3 (1.5)	196 (98.5)
9. Barang atau kenderaan disita kerana tidak mampu membayar hutang	4 (2.0)	195 (98.0)
10. Berbelanja melebihi 20% pendapatan bersih untuk ansuran kredit	97 (48.7)	102 (51.3)

Jadual 5: Tahap Pengalaman Responden Berkaitan Penggunaan Kredit (n=202)

Kelas Skor	Pengalaman	Peratus (%)
≤ 3	Kurang Bermasalah	72.9
4-6	Bermasalah	24.1
≥ 7	Sangat Bermasalah	3.0

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI

Bersandarkan dapatan kajian ini, majoriti responden menyatakan mereka mempunyai tahap pengetahuan yang baik atau berpengetahuan mengenai aspek kredit. Walau bagaimana pun, analisis item yang dilakukan mendapati kebanyakan responden kurang berpengetahuan dalam beberapa aspek mengenai kredit seperti peranan dan fungsi agensi yang berkaitan dengan kredit (contohnya AKPK, CCRIS, dan CTOS) dan peraturan menggunakan kredit (contohnya berbelanja melebihi 20% pendapatan untuk ansuran kredit). Kebanyakan responden juga masih tidak mengetahui akan implikasi sekiranya mereka diisytiharkan mufis dan kriteria yang melayakkan seseorang individu itu untuk diisytiharkan mufis.

Daripada segi amalan pengurusan kredit (merujuk kepada pengalaman) ia jelas menunjukkan bahawa responden kajian ini iaitu kumpulan pegawai muda sektor awam cenderung dan sedang berhadapan dengan masalah kewangan terutamanya dalam soal pengurusan kredit atau hutang. Kebanyakan responden pernah berhadapan dengan situasi di mana mereka mempunyai bayaran pinjaman tertunggak, menerima panggilan dari pemberi pinjaman disebabkan kelewatan pembayaran dan lewat membuat bayaran pinjaman. Malahan ada di kalangan responden yang terpaksa meminjam wang daripada rakan, ahli keluarga dan majikan untuk menjelaskan bayaran pinjaman serta menggunakan kemudahan kredit untuk keperluan perbelanjaan harian. Menurut Mumtazah (2002) antara indikator yang menunjukkan seseorang individu berhadapan dengan masalah kewangan ialah berbelanja lebih daripada 20 peratus pendapatan untuk bayaran kredit atau ansuran, suka mengambil pinjaman baru untuk menampung hutang lama, sentiasa membeli secara ansuran untuk perbelanjaan keperluan hidup dan tidak pasti berapa jumlah hutang yang ditanggung.

Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk responden atau pengguna meningkatkan amalan tingkah laku yang positif dalam penggunaan kredit. Responden sewajarnya perlu mempraktikkan dan membudayakan amalan pengurusan kewangan yang bijak baik di rumah mahupun di luar rumah. Contohnya menjelaskan bil tepat pada masanya dan berbelanja mengikut kemampuan bagi mengelak dari berhadapan dengan masalah kewangan. Program pendidikan kewangan

berbentuk amali “hands on training” berkaitan pengurusan kredit pengguna juga perlu diperkenalkan dan dilaksanakan misalnya di tempat kerja. Agensi di tempat kerja dan majikan perlu menggalakkan kakitangan mereka untuk membudayakan amalan atau tingkah laku pengurusan kewangan yang berhemah. Selain itu, usaha-usaha untuk mempromosikan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit perlu diperluaskan dan dipergiatkan bagi membantu individu dan keluarga sekiranya mereka berhadapan dengan masalah pengurusan kewangan.

RUJUKAN

- Bank Negara Malaysia. 2004. Laporan Tahunan.
- Bank Negara Malaysia. 2010. Laporan Tahunan
- Brobeck, M., & Carolyn M. 2002. From debt do your part. *Journal of Family Finances*, 32(6), 50-73.
- Harian Malaysia. 2011. <http://www.harianmalaysia.my/berita-terkini/41-pekerja-muda-diisytihar-mufflis-setiap-hari/>
- Husniyah, A.R., Mohamad Fazli, S., & Ahmad Hariza, H. 2005. Perancangan dan amalan penggunaan kad kredit bagi pengguna di Malaysia. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*, 8, 62-75.
- Husniyah, A.R., Afida, M.M.A., Bukryman, S., & Elistina, A.B. 2010. Literasi pengguna dalam perjanjian pinjaman perumahan. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 15, 99-110.
- Jabatan Insolvensi Malaysia. 2010. <http://www.insolvensi.gov.my/>
- Kapoor, J.R., Dlabay, L.R., & Hughes, R.J. 2004. *Personal finance (7th ed.)*. McGraw Hill: New York.
- Millar. C., & Moran, A. 1999. Credit the consumer perspective. *Journal of Consumer Studies and Home Economics*, 14, 266-275.
- Mohamad Fazli, S., Husniyah, A.R., & Syuhaily, O. 2009. Tingkahlaku penggunaan kredit sewa beli di kalangan pengguna di Malaysia. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 12, 1-15.

- Mohamed, A.G., & Deanna, S. 1997. Consumption pattern among young-old and old-old. *Journal of Consumer Affairs*, 31(1), 90-112.
- Mumtazah, O. 2002. Kewangan pengguna: Antara keperluan dan kehendak. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 3, 62-76
- Mustazar, M., Azmafazilah, J., & Fathin. 2004. *Amalan dan kepentingan pengurusan kewangan di Malaysia*. Prosiding Seminar MACFEA ke-9. 137-149.
- Wesberg. C.A., Hira, T.K., & Fanslow, A.M. 1997. Credit Card Usage And Consumer Debt Burdan Of Household. *Journal Of Consumer Studies And Home Economic*.
- Zaimah, R., Jariah, M., Sharifah, A.H., & Mumtazah, O. 2009. Pengetahuan kewangan pekerja: Perbandingan tahap dan latar belakang. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 13, 67-76.

Profil Penulis

Mohamad Fazli Sabri, Ph.D
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengurusan Sumber Dan Pengajian Pengguna
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
fazli@putra.upm.edu.my

Ahmad Hariza Hashim, Ph.D
Pensyarah (Prof. Madya)
Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
ahariza@putra.upm.edu.my

Mohd. Amim Othman
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
mohdamim@putra.upm.edu.my

KAJIAN AFEKTIF DAN RANGSANGAN BELIA GURU BAHASA MELAYU TERHADAP PENYERAPAN KONSTRUKTIVISME DINAMIK BERASASKAN PENGGUNAAN INTERNET

ADENAN AYOB

ABSTRAK

Belia wajar berfungsi secara aktif sebagai penggerak dan pembina ketamadunan. Dalam kematangan usia, kemantapan fizikal dan kecekalan minda, guru yang belia merupakan kelompok yang mampu memikul peranan sebagai warga pendidik aktif dan proaktif. Hakikatnya, bidang pendidikan telah mengalami perubahan pesat yang dibawa oleh kesan globalisasi dan ledakan teknologi maklumat. Perubahan yang berlaku secara menyeluruh telah mencetuskan aspek afektif dan rangsangan belia guru terhadap pengajaran di dalam bilik darjah. Justeru, penyelidikan ini dilakukan untuk mengkaji aspek afektif yang melibatkan dimensi sikap. Kajian tentang aspek rangsangan pula membabitkan dimensi motivasi. Daripada kedua-dua dimensi tersebut, kajian ini memfokuskan hubungannya terhadap penyerapan konstruktivisme dinamik dalam pengajaran Bahasa Melayu berasaskan penggunaan internet. Penyelidikan ini membabitkan 1400 orang guru sekolah menengah di seluruh negara, iaitu 100 orang bagi setiap negeri telah dipilih sebagai responden kajian. Pemilihan sampel dibuat secara rawak bertujuan untuk meninjau sikap dan motivasi belia guru terhadap penyerapan konstruktivisme dinamik dalam pengajaran Bahasa Melayu berasaskan penggunaan internet. Kaedah temu bual berasaskan tinjauan digunakan dalam kajian ini dengan berpandukan instrumen soal selidik. Analisis deskriptif digunakan untuk menghuraikan skor min sikap dan motivasi belia guru. Dalam pada itu, ujian Korelasi Pearson digunakan untuk melihat sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan motivasi belia guru. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan motivasi belia guru terhadap penyerapan konstruktivisme dinamik dalam pengajaran Bahasa Melayu berasaskan penggunaan internet. Dapatan kajian ini membuka laluan kepada belia guru dalam trend siber untuk memikirkan pemilihan pendekatan yang lebih sesuai diterap di dalam bilik darjah ke arah melahirkan generasi belia pelapis yang berketerampilan dalam penjaan minda bahasa.

Kata Kunci: Sikap, Motivasi, Konstruktivisme Dinamik, Internet, Globalisasi